



LESSONS LEARNT



MELAKSANAKAN KURSUS LESSONS LEARNT 2017

Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan(Projek), Bahagian Integriti telah berjaya menganjurkan Kursus *Lessons Learnt* bagi Sesi 1 pada 12-14 April 2017 dan Sesi 2 pada 9-10 Oktober 2017. Kursus tersebut diadakan di CREaTE, Melaka dengan menggunakan peruntukan POL 2017. Kursus *Lessons Learnt* Sesi 1 ini telah dihadiri oleh 50 peserta yang terdiri daripada pegawai JKR dari grad J17 sehingga J44. Manakala bagi Kursus *Lessons Learnt* Sesi 2 telah dihadiri oleh 50 peserta yang terdiri dari pegawai P&P J48 sehingga J54. Kursus ini telah dirasmikan oleh Ketua Bahagian Integriti, Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat.

Peserta-peserta kursus ditekankan kepada hal-hal berkaitan *Lessons Learnt* yang merangkumi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Teguran Ketua Audit Negara, kajian isu berulang LKAN, Tindakan Pemulihan terhadap Teguran Berulang LKAN, Tindakan Pengesanan dan Punitif berkaitan LKAN, Teguran daripada Ketua Audit Dalam (KKR), dan Kajian Kes LKAN 2016.